

Artikel

## **Kajian Faktor Sosioekonomi dalam Meningkatkan Nilai Komersial Tanaman Sawit dan Pembangunan FELDA**

*(A Study of Socioeconomic Factors in Increasing the Commercial Value of Palm Oil Plant and FELDA Development)*

Zurinah Tahir<sup>1\*</sup>, Nurfarah Izzatul Syahila Rahim<sup>1</sup>, Muhammad Yusuf Idris<sup>1</sup>, Suraiya Ishak<sup>1</sup>, Siti Radiaton Adawiyah Zakaria<sup>2</sup> & Zurina Ahmad Saidi<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (SEEDS), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Harta Tanah, Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), 81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [zurinahtahir@ukm.edu.my](mailto:zurinahtahir@ukm.edu.my)

Diserah: 01 Januari 2024

Diterima: 01 Februari 2024

**Abstrak:** FELDA merupakan singkatan bagi Federal Land Development Authority yang ditubuhkan bagi tujuan pembangunan tanah dan penempatan semula masyarakat luar bandar. Selain itu, FELDA juga memainkan peranan untuk membangunkan tanah berterasakan pertanian yang produktif dan berkualiti serta membangunkan petempatan penduduk luar bandar yang lengkap dengan pelbagai kemudahan. Penubuhan FELDA telah membuahkan hasil yang sangat memberansangkan kepada pembangunan luar bandar dengan kejayaannya memiliki tanah perladangan yang luas, mempertingkatkan pembangunan luar bandar beserta taraf hidup masyarakat. Walaubagaimanapun, masih terdapat beberapa isu yang timbul yang akan menjejaskan prestasi FELDA. Hal ini dimana felda menghadapi isu seperti model tanam semula yang tidak lestari, kehilangan tanah, pendapatan dan dividen tidak seperti yang diharapkan, kejatuhan harga sawit, peluang pekerjaan perumahan generasi kedua, dan aktiviti ekonomi yang terhad. Sehubungan dengan itu, objektif kajian adalah untuk mengkaji faktor-faktor sosioekonomi dalam peningkatan nilai komersial FELDA dan cadangan usaha membangunkan FELDA yang lestari. Kajian ini dilaksanakan di kawasan Felda Soeharto yang berbentuk kuantitatif yang menggunakan pendekatan kaedah tinjauan. Seramai 185 responden yang terlibat dalam kajian ini. Seterusnya, data yang didapati akan dianalisis ke dalam bentuk kekerapan, peratusan, skor min dan sisihan piawai. Hasil kajian menunjukkan sebahagian besar responden bersetuju dengan faktor-faktor sosioekonomi yang dinyatakan yang perlu diambil berat dalam meningkatkan nilai komersial felda. Kajian juga menunjukkan majoriti responden bersetuju dengan kesemua cadangan yang dinyatakan sebagai langkah menjadikan felda lebih lestari. Cadangan tersebut boleh dirujuk atau diaplikasikan oleh pihak FELDA dalam merealisasikan FELDA yang lestari. Kesannya, FELDA dapat memacu ke arah kemajuan, di samping mendukung matlamat mereka untuk membangunkan kawasan luar bandar.

**Kata kunci:** Felda; pembangunan; nilai komersial; sosioekonomi; tanaman sawit

**Abstract:** FELDA is an abbreviation for the Federal Land Development Authority which was established for the purpose of land development and resettlement of rural communities. In addition, FELDA also plays role in developing productive and quality agriculture-based land as well as developing rural settlements complete with various facilities. The establishment of FELDA has yielded results for rural development with the success of owning extensive farmland, improving rural development and the standard of living of the community.

However, there are still some issues that have arisen that will affect FELDA's performance. This is where FELDA faces issues such as unsustainable replanting models, loss of land, income and dividends not as expected, falling oil palm prices, second generation housing, job opportunities, and limited economic activity. In relation to that, the objective of the study is to examine the socioeconomic factors in increasing the commercial value of FELDA and the proposed efforts to develop a sustainable FELDA. This study was carried out in the Felda Soeharto area using a survey method approach. A total of 185 respondents were involved in this study. Next, the data obtained will be analyzed in the form of frequency, percentage, mean score and standard deviation. The results of the study show that the majority of respondents agree with the socioeconomic factors that need to be taken seriously in increasing the commercial value of FELDA. The study also showed that the majority of respondents agreed with all the suggestions that were stated as steps to make felda more sustainable. The suggestions can be referred to or applied by FELDA in realizing a sustainable FELDA. As a result, FELDA can drive towards progress while supporting their goal to develop rural areas.

**Keywords:** FELDA; development; commercial value; socioeconomic; palm oil plant

---

## Pendahuluan

Malaysia sememangnya telah mengalami banyak perubahan dari segi ekonomi, sosial dan politik setelah mengecapi kemerdekaan. Namun jika dilihat pada awal kemerdekaan, negara telah menghadapi pelbagai cabaran rentetan daripada eksploitasi pihak penjajah kepada negara. Hal ini telah menyebabkan timbul masalah seperti kemiskinan, pengangguran, penguasaan tanah, kekurangan infrastruktur dan sebagainya terutama kepada masyarakat luar bandar. Menyedari hakikat tersebut, kerajaan telah merancang dan merencanakan pembangunan negara termasuk pembangunan luar bandar. Pembangunan luar bandar penting dalam mengubah tingkat kualiti hidup masyarakat luar bandar supaya ke arah yang lebih baik selain membantu memajukan ekonomi negara (Wiryawan, 2023). Hal ini dapat dibuktikan apabila pembangunan luar bandar mampu meningkatkan peluang ekonomi, memperbaiki kualiti ekonomi, memperkasakan modal insan, memperbaiki kualiti hidup masyarakat luar bandar serta mentadbir urusan luar bandar secara cekap dan mapan (Milanie et.al, 2022).

Sehubungan dengan itu, agenda Federal Land Development Authority (FELDA) telah memainkan peranan dalam pembangunan masyarakat luar bandar. FELDA adalah singkatan bagi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau Federal Land Development Authority yang telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 bagi tujuan pembangunan tanah dan penempatan semula. Tambahan pula, agensi ini turut ditubuhkan bagi tujuan memajukan tanah dalam menjadikan kawasan pertanian yang produktif serta mampu memaksimumkan hasil yang berkualiti di samping membangunkan penempatan penduduk yang dilengkapi dengan kemudahan asas dan sosial yang lain (Suhaili & Rahim, 2018). Hal ini sejajar dengan objektif FELDA iaitu membasmi kemiskinan melalui penempatan semula masyarakat luar bandar dan pelaksanaan pembangunan tanah. Antara proses pembangunan tanah yang dilakukan oleh FELDA ialah kawasan hutan dibangunkan sebagai kawasan pertanian kelapa sawit dan getah. Hasil daripada pengeluaran dan produktiviti pertanian telah menjadi penyumbang kepada ekonomi FELDA dan peneroka. FELDA turut memodenkan sektor pertanian supaya lebih cekap dan bermutu dalam mengubah taraf hidup masyarakat yang miskin. Kesannya, hal ini dapat membantu masyarakat luar bandar dalam menjana pendapatan mereka disamping membangunkan kawasan luar bandar (Zamzuri & Roslan, 2023). Oleh itu, objektif kajian artikel ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor sosioekonomi dalam peningkatan nilai komersial FELDA dan tanaman sawit FELDA serta usaha membangunkan FELDA yang lestari.

## Kajian Literatur

Komersial membawa maksud nilai-nilai ekonomi (Kamus Dewan Edisi Keempat). FELDA sebuah organisasi yang memiliki nilai komersial disebabkan ia mempunyai nilai ekonomi yang menguntungkan bukan sahaja kepada penduduk luar bandar malah terhadap negara juga. Faktor-faktor sosioekonomi dilihat penting untuk

difokuskan dalam meningkatkan nilai komersial FELDA kerana ia berpotensi mempengaruhi kualiti dan corak pembangunan FELDA ke arah yang progresif dan moden. Hal ini dapat dibuktikan apabila Datuk Seri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (ekonomi) mengatakan kajian terhadap isu FELDA dilaksanakan sebagai panduan ke arah FELDA yang lestari yang mampu meningkatkan nilai komersial melalui peluang aktiviti ekonomi dan pekerjaan kepada warganya di samping membentuk generasi baharu yang berdaya saing di era digital. Aset terpenting bagi FELDA adalah warga dan komuniti termasuk peneroka FELDA. Oleh itu, isu yang berbangkit dalam faktor sosial dan faktor ekonomi perlu diambil berat.

FELDA adalah antara usaha kerajaan untuk memajukan kawasan luar bandar dan membina masyarakat yang berdaya saing. Kerajaan telah menubuhkan dan memberi tanggungjawab kepada Kementerian Pembangunan Desa pada tahun 1959 bagi memperkukuhkan FELDA (Zainudin & Bullare, 2021). Kajian Suhaili & Rahim (2018) menyatakan sejak penubuhan FELDA pada tahun 1956, kira-kira 114 897 buah keluarga telah ditempatkan di 304 buah tanah rancangan di seluruh negara dan dianggarkan lebih 700 000 orang generasi kedua FELDA telah dilahirkan. Masyarakat FELDA menjalankan kegiatan utama mereka iaitu aktiviti pertanian seperti kelapa sawit dan getah. Namun, terdapat juga masyarakat FELDA yang menjalankan aktiviti perniagaan selain daripada pertanian. Hal ini adalah sebagai pendapatan tambahan mereka dalam meneruskan kehidupan. memperlihatkan kajian Suhaili & Rahim (2018) mengenai kedudukan dan isu sosioekonomi belia generasi kedua FELDA (G2F), pengkaji telah melihat pelbagai aspek iaitu pendidikan, pemilikan harta, pendapatan G2F, simpanan dan tabungan serta pembangunan infrastruktur. Kesemua aspek tersebut dapat menjelaskan survival dan struktur ekonomi G2F di kawasan kajian.

Hasil kajian Suhaili & Rahim (2018) yang dilakukan berdasarkan konsep triangulasi dan pemerhati peserta, mendapati generasi kedua FELDA menjalankan ekonomi yang pelbagai disebabkan perkembangan FELDA Raja Alias (FRA) sebagai pusat tumpuan ekonomi. Selain itu, pelbagai kemudahan asas dan infrastruktur termasuk pendidikan juga telah disediakan oleh FRA. Namun begitu, berlaku juga migrasi dalam kalangan generasi kedua FELDA dan mereka lebih tertumpu kepada kegiatan ekonomi makan gaji.

Selain itu, sumbangan wanita dalam meningkatkan pendapatan ekonomi keluarga penting dalam pembangunan sosioekonomi FELDA. Penglibatan wanita telah didorong oleh hasil ladang yang tidak banyak akibat daripada beberapa faktor seperti harga pasaran, usia peneroka, kesuburan tanah, generasi muda berpindah keluar mencari peluang pekerjaan yang lebih baik, dan tiada peluang yang baik dalam tanah rancangan. Rentetan itu, peneroka wanita telah bersama-sama memainkan peranan dengan membantu menambahkan pendapatan keluarga dengan melaksanakan pekerjaan sampingan. Hasil kajian memperlihatkan pelbagai peranan yang telah dijalankan oleh FELDA dalam meningkatkan taraf hidup peneroka seperti menjalankan program-program, memberikan bantuan dan pinjaman kepada peneroka, serta penyediaan kemudahan kepada peneroka. Selain itu, hasil kajian juga mendapati kebanyakan peneroka wanita menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dalam usaha menambah pendapatan keluarga (Rochma, Zakiyatul & Abdurrahman, 2023)

## Metodologi

Dalam pelaksanaan kajian, kawasan kajian juga merupakan elemen penting. Lokasi pelaksanaan kajian adalah berfokuskan di kawasan FELDA Soeharto atau juga dikenali sebagai Kampung Soeharto. FELDA ini merupakan pekan di Kuala Kubu Bahru, Hulu Selangor, Malaysia. FELDA ini terletak kira-kira 125 KM dari Kuala Lumpur dan berhampiran dengan sempadan Selangor-Perak. Selain itu, FELDA Soeharto juga merupakan di bawah pentadbiran FELDA Wilayah Trolak. Tanaman utama di sini ialah kelapa sawit dan mempunyai kira-kira 600 lebih peneroka. Sehubungan dengan itu, pemilihan kawasan ini adalah strategik kerana bertepatan dengan tajuk dan mudah untuk mendapatkan data yang tepat.

Kajian penyelidikan ini adalah berbentuk kuantitatif. Kaedah ini dipilih kerana bertepatan dengan objektif kajian dalam mendapatkan data yang tepat. Seterusnya, soal selidik akan digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini untuk mendapatkan data yang kemudiannya data tersebut akan dianalisis dan dipersembahkan ke dalam bentuk statistik dan perbincangan. Populasi bagi kajian ini ialah penduduk di FELDA Soeharto, Hulu Selangor. Jumlah populasi FELDA Soeharto ialah 3254 orang. Menurut Krejcie & Morgan (1970), jumlah sampel adalah 341 orang jika populasi di sesuatu kawasan ialah 3000 orang manakala jumlah sampel adalah

346 orang jika populasi di sesuatu kawasan ialah 3500 orang. Namun begitu, setelah kutipan data edaran soal selidik dilaksanakan, penyelidik hanya mendapat pulangan semula instrumen soal selidik sebanyak 185 daripada responden.

Struktur borang soal selidik kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu bahagian A, bahagian B, dan bahagian C. Bahagian A mengandungi latar belakang mengenai responden manakala di bahagian B mengenai aspek sosioekonomi yang perlu dikaji bagi meningkatkan nilai komersial dan tanaman sawit FELDA. Sementara itu, soalan mengenai cadangan usaha membangunkan FELDA yang lestari pula terdapat di bahagian C. Pengukuran data di kedua-dua bahagian B dan bahagian C ialah berdasarkan skala likert satu hingga lima iaitu 1= sangat tidak setuju, 2= tidak setuju, 3= tidak pasti, 4=setuju dan 5= sangat setuju.

Data yang telah dikumpul akan diproses dan dianalisis menggunakan Stastical Package for The Social Science (SPSS). Data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif. Data bahagian A akan di analisis ke dalam bentuk kekerapan dan peratusan seterusnya. Sementara bahagian B dan bahagian C akan dianalisis ke dalam bentuk kekerapan, peratusan, skor min dan sisihan piawai.

## Dapatan dan Perbincangan

### 1. Faktor-Faktor Sosioekonomi dalam Meningkatkan Nilai Komersial dan Tanaman Sawit FELDA

#### *Faktor Sosial*

Berdasarkan Jadual 1 dapat dilihat sebahagian besar responden bersetuju akan kelima-lima pernyataan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai skor min bagi kelima-lima kenyataan tersebut adalah pada tahap sederhana yang menunjukkan responden bersetuju. Skor min tertinggi ialah pada pernyataan pencemaran udara yang berlaku akibat aktiviti pembakaran secara terbuka oleh peneroka telah menjejaskan kesihatan penduduk setempat dengan nilai min 3.64. Seramai 73 responden iaitu bersamaan 39.2% bersetuju akan pernyataan itu dengan rekod kekerapan tertinggi. Skala likert kelima iaitu sangat setuju pula merekodkan kekerapan responden kedua tertinggi dengan nilai kekerapan seramai 49 orang (26.3%). Kedua-dua dapatan ini menunjukkan berlakunya pencemaran udara di kawasan Felda Soeharto yang diakibatkan oleh pembakaran bahan buangan hasil pertanian tanaman kelapa sawit secara terbuka oleh peneroka.

Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak menyatakan bahawa antara penyumbang utama kemerosotan kualiti udara ialah pembakaran terbuka. NREB turut menjelaskan bahawa peningkatan kes pembakaran terbuka adalah disebabkan oleh aktiviti-aktiviti pertanian dan pembukaan tanah untuk pertanian komersial. Walaubagaimanapun, masih terdapat responden yang tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut pada kadar yang kecil iaitu dengan nilai 33 (17.7%) dan 10 (5.4%). Hal ini disebabkan masih terdapat segelintir peneroka yang menjalankan pertanian dengan baik dan mengikut piawaian pertanian yang ditetapkan.

Pernyataan ketiga iaitu tahap keselamatan di tempat kerja adalah baik merekodkan skor min kedua tertinggi dengan nilai min 3.62. Hal ini di mana ia mencatatkan seramai 103 orang responden (55.4%) bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana FELDA amat mementingkan kesihatan dan keselamatan peneroka. Semasa berlaku penularan wabak Covid-19, FELDA menghadkan kerja-kerja tertentu dengan mengikut SOP terhadap peneroka dan petugas supaya kesihatan mereka terjamin. Perkara ini telah membuktikan FELDA mengambil berat akan tahap kesihatan dan keselamatan peneroka dan petugasnya. Namun begitu, kekerapan kedua tertinggi ialah bagi responden yang menjawab tidak pasti bagi pernyataan ini dengan nilai kekerapan seramai 32 orang (17.2%) berbanding dengan responden yang tidak bersetuju dan sangat setuju yang mencatat 24 orang (12.9%) dan 22 orang (11.8%) masing-masing. Responden yang menjawab sangat tidak setuju mencatat kekerapan terendah bagi pernyataan ini dengan nilai kekerapan hanya 4 orang iaitu bersamaan 2.2%.

Jadual 1: Faktor sosial

Pernyataan	Frekuensi dan Peratusan (%) Skala Likert					Skor Min	Sisihan Piawai
	1	2	3	4	5		
Kemudahan prasarana adalah lengkap	5 (2.7)	21 (11.3)	41 (22)	97 (52.2)	21 (11.3)	3.58	0.929
Kemudahan kesihatan pekerja adalah mencukupi	4 (2.2)	23 (12.4)	38 (20.4)	102 (54.8)	18 (9.7)	3.58	0.906
Tahap keselamatan di tempat kerja adalah baik	4 (2.2)	24 (12.9)	32 (17.2)	103 (55.4)	22 (11.8)	3.62	0.931
Pencemaran tanah yang berlaku akibat aktiviti pertanian sawit telah menjejaskan kualiti tanah pertanian	11 (5.9)	36 (19.4)	30 (16.1)	77 (41.4)	31 (16.7)	3.44	1.155
Pencemaran udara akibat aktiviti pembakaran secara terbuka oleh peneroka menjejaskan kesihatan penduduk setempat	10 (5.4)	33 (17.7)	20 (10.8)	73 (39.2)	49 (26.3)	3.64	1.204
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>3.57</b>	<b>1.025</b>

Sumber: Kajian lapangan (2023)

Penyataan pertama dan kedua mencatatkan nilai skor min yang sama iaitu 3.58. Pernyataan pertama iaitu kemudahan prasarana adalah lengkap mencatatkan kekerapan tertinggi bagi responden yang bersetuju dengan jumlah kekerapan seramai 97 orang iaitu bersamaan dengan 52.2%. Hal ini dikatakan demikian kerana, rata-rata responden berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan. Penubuhan FELDA bukan sahaja bermatlamatkan untuk memberi tanah kepada masyarakat dan menempatkan mereka di kawasan perkampungan baharu, malah penyediaan kemudahan asas yang baik dan mencukupi juga merupakan antara matlamat FELDA (Suhaili dan Ibrahim, 2018). Perkara ini dapat dibuktikan bahawa FELDA menyediakan penempatan yang mempunyai infrastruktur yang bersesuaian adalah untuk menjamin kesejahteraan ekonomi dan sosial penduduk FELDA (Ab Rahman et al., 2023). Kemudahan prasarana yang lengkap, mencukupi dan berkualiti akan menyokong pembangunan ekonomi dan mewujudkan persekitaran kehidupan yang menarik dan kondusif sebagai tempat tinggal, bekerja, melabur dan destinasi pelancongan (Ab Rahman et al., 2023). Selain itu, pernyataan ini juga mendapat kekerapan kedua tertinggi bagi skala likert ketiga iaitu tidak pasti dengan jumlah kekerapan seramai 41 orang (22%). Sementara itu, pernyataan ini mencatatkan jumlah kekerapan yang sama bagi skala likert kedua (tidak setuju) dan skala liker kelima (sangat setuju) iaitu jumlah kekerapan 21 orang (11.3%). Namun begitu, terdapat catatan kekerapan terendah iaitu hanya 5 orang (2.7%) yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Sementara itu, pernyataan kedua iaitu kemudahan kesihatan pekerja adalah mencukupi mencatatkan kekerapan tertinggi bagi skala likert keempat (setuju) dengan jumlah kekerapan 102 orang bersamaan 54.8%. Kesihatan ialah satu tahap atau keadaan yang mana setiap individu mempunyai kesejahteraan yang sempurna dari segi fizikal, mental, dan sosial serta bukan semata-mata bebas daripada penyakit atau tidak berdaya (Ranisha, Kumari & Dwivedi, 2024) Selain itu, United Nation juga telah menggariskan mengecapi perlindungan kesihatan sejagat dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang ke 3.8, iaitu termasuk perlindungan risiko kewangan, akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang penting dan akses kepada ubat-ubatan dan vaksin yang selamat, berkesan, berkualiti dan boleh diperolehi semua. Kesihatan

penting dalam menjamin taraf kualiti hidup masyarakat dan mengekalkan prestasi kerja peneroka dan sebagainya. Melihat daripada kepentingan keperluan kesihatan terhadap masyarakat, terutama kepada pekerja atau peneroka di kawasan FELDA, di mana kawasan FELDA telah menyediakan pusat kesihatan yang lengkap. Hal ini dapat dibuktikan apabila terdapat sebuah Klinik Kesihatan Felda Soeharto yang berdekatan dan mudah untuk masyarakat FELDA menggunakan perkhidmatan tersebut. Kekeperluan kedua tertinggi bagi pernyataan ini adalah skala likert ketiga iaitu tidak pasti dengan jumlah kekeperluan seramai 38 orang (20.4%) berbanding dengan skala likert kedua iaitu tidak setuju dengan jumlah kekeperluan 23 orang (12.4%). Sementara itu, jumlah responden yang sangat setuju bagi pernyataan ini mencatatkan seramai 18 orang (9.7%). Terdapat hanya empat orang yang memberi respon sangat tidak setuju iaitu bersamaan dengan 2.2%.

Pernyataan keempat, pencemaran tanah yang berlaku akibat aktiviti pertanian tanaman kelapa sawit telah menjejaskan kualiti tanah pertanian mencatatkan nilai skor min terendah iaitu 3.44. Jumlah responden yang bersetuju terhadap pernyataan ini mencatatkan nilai tertinggi iaitu 77 orang bersamaan 41.4%. Hal ini disebabkan masih terdapat peneroka yang tidak mengamalkan amalan pertanian yang baik (GAP) dan menggunakan baja dan racun yang memberikan pencemaran terhadap tanah. Nurul Izzati et al., (2020) menyatakan sektor pertanian merupakan antara sektor industri yang juga menyebabkan pencemaran alam sekitar terutama apabila mengamalkan kaedah pertanian konvensional. Menurut Gomiero (2018), kaedah pertanian konvensional sememangnya mampu memberi hasil dan keuntungan yang maksimum melalui jentera, baja kimia sintetik, petisid dan organisma terubah suai secara genetik, namun kaedah tersebut tidak mengambil kira kesan secara tidak langsung bagi jangka panjang terhadap dinamik ekologi pertanian dan biodiversiti (Tsutsui et al, 2018). Penggunaan bahan kimia dalam pertanian sememangnya dilihat dapat meningkatkan produktiviti pertanian, namun ia memberi kesan terhadap pencemaran tanah dengan merosakkan Ph dan menjejaskan kualiti tanah itu sendiri. Perkara ini akan memberi kesan terhadap kualiti dan produktiviti pertanian di masa akan datang. Namun begitu, kekeperluan kedua tertinggi bagi pernyataan ini adalah bagi responden yang menjawab tidak setuju dengan nilai kekeperluan seramai 36 orang bersamaan 19.4%. Hal ini disebabkan masih terdapat sesetengah peneroka yang menjalankan amalan pertanian baik (GAP) dan melaksanakan prosedur pertanian berdasarkan piawaian yang ditetapkan. Walaubagaimanapun, pernyataan ini mendapat sokongan sangat setuju dengan nilai kekeperluan seramai 31 orang (16.7%) dan terdapat juga 30 responden (16.1%) yang merespon tidak pasti bagi pernyataan ini. Pernyataan ini juga mencatatkan jumlah kekeperluan terendah iaitu 11 orang (5.9%) bagi skala likert pertama iaitu sangat tidak setuju.

Oleh itu, faktor-faktor sosial seperti kemudaha prasarana, kemudahan kesihatan, kualiti tanah pertanian, tahap kesihatan serta keselamatan merupakan antara faktor yang perlu diberikan perhatian dalam meningkatkan nilai komersial FELDA. Hal ini demikian kerana faktor-faktor tersebut berkaitan dengan kualiti pekerja dan imej FELDA sebagai penggerak pembangunan luar bandar.

### *Faktor Ekonomi*

Jadual 2 menunjukkan sebahagian besar responden sangat bersetuju akan kesemua pernyataan di dapatan kajian aspek ekonomi. Dapatan kajian menunjukkan kesemua pernyataan mencatatkan nilai skor min yang tinggi iaitu di antara 3.67 hingga 5.00. perkara ini telah membuktikan bahawa majoriti responden sangat bersetuju akan pernyataan-pernyataan tersebut.

Pernyataan pendapatan tidak tetap merekodkan nilai skor min tertinggi iaitu 4.13. Jumlah kekeperluan tertinggi adalah pada skala likert keempat iaitu setuju dengan catatan kekeperluan sebanyak 115 orang bersamaan 61.8%. Hal ini menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa pendapatan peneroka FELDA adalah tidak tetap. Perkara ini dapat dibuktikan apabila Fauzi Hussin et al. (2012) menyatakan sektor pertanian bukan suatu sector yang stabil dari segi pendapatan peneroka disebabkan masalah harga komoditi kelapa sawit dan getah yang sentiasa turun naik, pengeluaran kelapa sawit yang bermusim serta beberapa faktor lain seperti usia pokok, penjagaan, sebagainya yang mempengaruhi pendapatan bulanan peneroka. Nilai kekeperluan kedua tertinggi adalah bagi responden yang menjawab sangat setuju bagi pernyataan ini iaitu 54 orang bersamaan 29%. Perkara ini lagi membuktikan pendapatan peneroka FELDA adalah tidak tetap dan berdasarkan harga pasaran sawit. Walaubagaimanapun, terdapat juga responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini iaitu

hanya 8 orang (4.3%) dan 5 orang responden (2.7%) yang tidak pasti akan pernyataan ini. Pernyataan ini juga mencatatkan kekerapan terendah bagi skala likert pertama iaitu sangat tidak setuju dengan jumlah kekerapan hanya tiga orang iaitu bersamaan dengan 1.6%.

Jadual 2. Faktor ekonomi

Pernyataan	Frekuensi dan Peratusan (%) Skala Likert					Skor Min	Sisihan piawaian
	1	2	3	4	5		
	Generasi muda kurang berminat dengan sektor Pertanian kelapa sawit	3 (1.6)	16 (8.6)	26 (14.0)	100 (53.8)	40 (21.5)	3.85
Kekurangan peneroka yang berkemahiran	4 (2.2)	12 (6.5)	25 (13.4)	112 (60.2)	32 (17.2)	3.84	0.861
Produktiviti dan kualiti Pertanian kelapa sawit adalah rendah	5 (2.7)	14 (7.5)	33 (17.7)	108 (58.1)	25 (13.4)	3.72	0.888
Berlaku migrasi Generasi baharu FELDA ke kawasan bandar bagi mendapatkan pekerjaan yang lebih baik	2 (1.1)	6 (3.2)	21 (11.3)	117 (62.9)	39 (21)	4.00	0.745
Peluang pekerjaan di kawasan FELDA adalah terhad	4 (2.2)	11 (5.9)	19 (10.2)	122 (65.6)	29 (15.6)	3.87	0.824
Harga pasaran Sawit tidak menentu (Turun naik)	4 (2.2)	4 (2.2)	9 (4.8)	116 (62.4)	52 (28)	4.12	0.774
Pendapatan tidak tetap	3 (1.6)	8 (4.3)	5 (2.7)	115 (61.8)	54 (29)	4.13	0.790
<b>Min keseluruhan</b>						<b>3.93</b>	<b>0.828</b>

Sumber: Kajian lapangan (2023)

Pernyataan keenam iaitu harga pasaran sawit tidak menentu (turun naik) telah merekodkan nilai skor min kedua tertinggi iaitu 4.12. jumlah kekerapan tertinggi bagi pernyataan ini adalah pada skala likert keempat iaitu setuju dengan catatan kekerapan sebanyak 116 orang (62.4%). Selain itu, pernyataan ini juga mendapat respon sangat setuju oleh 52 orang responden iaitu bersamaan dengan 28% yang merekodkan sebagai kekerapan kedua tertinggi bagi pernyataan ini. Perkara ini menunjukkan dengan jelas bahawa pernyataan tersebut adalah betul. Namun begitu, masih terdapat responden yang tidak pasti dengan pernyataan ini dalam jumlah kekerapan yang kecil iaitu nilai kekerapan hanya 9 orang (4.8%). Walaubagaimanapun, terdapat responden yang tidak bersetuju dan sangat tidak setuju dengan pernyataan ini yang mencatatkan nilai kekerapan yang sama iaitu hanya 4 orang (2.2%).

Skor min ketiga tertinggi adalah bagi pernyataan ketiga iaitu berlaku migrasi generasi baharu FELDA ke kawasan bandar bagi mendapatkan pekerjaan yang lebih baik dengan nilai skor min 4.00. Seramai 117 responden (62.9%) yang bersetuju dengan pernyataan ini dan merekodkan sebagai kekerapan tertinggi bagi pernyataan ini. Hal ini dapat dibuktikan apabila migrasi penduduk luar bandar ke bandar untuk berpindah daripada pekerjaan yang berproduktiviti rendah kepada pekerjaan berproduktiviti tinggi (Shafii, Yassin & Masram, 2023). Migrasi juga dilihat sebagai satu pilihan keputusan yang dibuat untuk mengubah kualiti kehidupan kepada yang lebih baik. Perkara ini telah membuktikan bahawa ramai generasi muda berhijrah ke

bandar untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik dengan pendapatan yang baik untuk mengubah taraf hidup mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana sektor pertanian dilihat sebagai sektor yang mempunyai produktiviti rendah berbanding dengan sektor perindustrian dan sektor pertanian adalah bermusim. Perkara ini akan meragui diri mereka mengenai pendapatan yang akan mereka perolehi. Selain itu, terdapat juga generasi muda yang berpendidikan berhijrah ke bandar untuk berkhidmat di dalam sektor awam yang lebih menyenangkan diri mereka tanpa bersusah payah berkerja di kebun. Hal ini telah memberi impak negatif terhadap ekonomi dan komuniti Felda Soeharto kerana penuaan golongan peneroka FELDA dan kekurangan golongan muda atau generasi baharu untuk meneruskan dan menguruskan perladangan mereka. Kebanyakan peneroka telah lanjut usia dan tidak lagi mempunyai keupayaan fizikal untuk mengerjakan ladang yang menyebabkan produktiviti mereka juga berkurang (Ali et al. 2010). Penyataan ini juga disokong oleh 39 responden iaitu bersamaan dengan 21% yang menyatakan mereka sangat setuju. Namun begitu, terdapat juga responden yang menyatakan tidak pasti bagi penyataan ini dengan kadar 11.3% iaitu bersamaan 21 orang. Sementara itu, responden yang tidak setuju dan sangat tidak setuju hanya mencatatkan nilai yang rendah iaitu 6 orang (3.2%) dan 2 orang (1.1%) masing-masing.

Penyataan kelima iaitu peluang pekerjaan di kawasan FELDA adalah terhad mencatatkan skor min 3.87. Kekekapan tertinggi bagi penyataan ini ialah bagi responden yang menjawab setuju iaitu seramai 122 orang (65.6%). FELDA tidak menyediakan peluang pekerjaan yang banyak menyebabkan sebahagian besar generasi kedua berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan. Di kawasan FELDA adalah berfokuskan sektor pertanian kelapa sawit, hal ini telah menyebabkan peluang pekerjaan adalah terhad untuk generasi baharu terokai. Penyataan ini juga mendapat respon sangat setuju iaitu seramai 29 orang (15.6%) yang merupakan rekod kekekapan kedua tertinggi. Terdapat juga responden yang menyatakan mereka tidak pasti dengan penyataan ini dengan kekekapan seramai 19 orang iaitu bersamaan 10.2%. Walaubagaimanapun, penyataan ini juga mendapat respon tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan nilai kekekapan 11 orang (5.9%) dan 4 orang (2.2%) masing-masing.

Seterusnya, penyataan pertama iaitu generasi muda kurang berminat dengan sektor pertanian kelapa sawit mencatatkan skor min 3.85. Rekod kekekapan tertinggi bagi penyataan ini ialah responden yang menjawab setuju iaitu seramai 100 orang bersamaan 53.8%. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan generasi muda menganggap pekerjaan di sektor pertanian membebankan dan melelahkan. Saad et al., (2023) turut menyatakan bahawa pertanian kelapa sawit tidak dilihat sebagai alternatif yang menarik disebabkan gaji yang rendah dan tidak menjanjikan masa hadapan. Selain itu, generasi muda juga dilihat menganggap pekerjaan perladangan adalah pekerjaan yang berbahaya seperti yang dikatakan oleh Walsh dan Makavary (2011) yang berpendapat bahawa pekerjaan peladang adalah pekerjaan 3D iaitu difficult, dirty dan dangerous. Perkara ini menyebabkan kebanyakan belia tidak meminati sektor ini dan tidak melihat sektor ini sebagai kerjaya. Tambahan pula, penyataan ini mendapat sokongan sangat setuju daripada 40 orang responden (21.5%) yang membawa maksud penyataan ini adalah benar. Namun begitu, masih terdapat responden yang menyatakan mereka tidak pasti akan penyataan ini dengan nilai kekekapan seramai 26 orang iaitu bersamaan 14.0%. dalam pada itu, terdapat juga responden yang tidak bersetuju dengan penyataan ini dengan kekekapan seramai 16 orang (8.6%) dan tiga orang (1.6%) yang sangat tidak setuju akan penyataan ini.

Penyataan kekurangan peneroka yang berkemahiran merekodkan nilai skor min 3.84. Sebahagian besar responden bersetuju akan penyataan ini, dapat dilihat jumlah kekekapan responden ialah 112 orang (60.2%). Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan peneroka adalah mereka yang sudah tua. Perkara ini telah menyebabkan FELDA kekurangan tenaga kerja yang kuat dan berkemahiran. Selain itu, generasi muda FELDA yang berpendidikan pula kurang untuk menceburi sektor pertanian dan mereka lebih berminat akan sektor awam serta sektor perindustrian. Kekurangan peneroka yang berkemahiran akan memberi kesan terhadap produktiviti pertanian. Penyataan ini juga disokong oleh 32 (17.2%) orang responden yang menyatakan mereka sangat setuju. Sementara itu, responden yang menyatakan mereka tidak pasti terhadap penyataan ini adalah seramai 25 orang iaitu bersamaan dengan 13.4%. Namun begitu, penyataan ini juga mendapat respon tidak setuju daripada 12 orang (6.5%) dan respon sangat tidak setuju daripada 4 orang (2.2%).

Rekod skor min terendah adalah bagi pernyataan ketiga iaitu produktiviti dan kualiti pertanian kelapa sawit adalah rendah dengan nilai skor min 3.72. Sektor pertanian sawit Malaysia masih menghadapi cabaran daripada kualiti dan produktiviti kelapa sawit. Hal ini dikatakan demikian kerana timbulnya penyakit seperti penyakit reput pangkal batang (penyakit jangkitan *Ganoderma*) yang akan memusnahkan hasil tanaman kelapa sawit. Serangan penyakit ini akan mengurangkan produktiviti kelapa sawit dan menyebabkan kerugian. Selain itu, produktiviti kelapa sawit juga dilihat semakin terjejas ekoran cuaca yang panas. Perkara ini menunjukkan kualiti biji benih atau anak pokok sawit adalah perlu di inovasikan supaya lebih berdaya tahan. Namun begitu, terdapat 33 orang responden (17.7%) yang tidak pasti akan pernyataan tersebut. Seramai 25 orang responden (13.4%) pula menyatakan mereka sangat setuju dengan pernyataan ini. Walaubagaimanapun, terdapat 14 orang responden (7.5%) yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini dan 5 orang responden (2.7%) lagi menyatakan mereka sangat tidak setuju.

Oleh itu, dalam mencapai pembangunan FELDA yang maju bagi membangunkan penduduk luar bandar, faktor-faktor ekonomi seperti minat generasi muda, kemahiran peneroka, produktiviti dan kualiti, migrasi, peluang pekerjaan, harga pasaran serta pendapatan peneroka perlu diambil berat. Faktor-faktor tersebut akan mempengaruhi perjalanan dan kualiti pembangunan yang dibawa oleh organisasi FELDA. Kesannya, jika langkah-langkah proaktif diambil dalam mengatasi isu berkaitan faktor-faktor ekonomi yang dikemukakan, nilai komersial pembangunan FELDA dapat ditingkatkan.

### **Perbincangan**

Dapatan kajian mendapati sebahagian besar responden bersetuju akan kesemua faktor sosial seperti kemudahan prasarana, kemudahan kesihatan pekerja, tahap keselamatan pekerja, pencemaran tanah dan pencemaran udara. Faktor pencemaran udara mencatatkan skor min tertinggi iaitu 3.64. Hal ini di mana terdapat seramai 73 orang responden (39.2%) mempersetujui bahawa pencemaran udara yang berlaku akibat aktiviti pembakaran secara terbuka oleh peneroka telah menjejaskan kesihatan penduduk setempat. Hal ini disebabkan terdapat sesetengah peneroka yang melakukan pembakaran terbuka untuk melupuskan sisa buangan pertanian tanaman kelapa sawit yang akhirnya menyebabkan pencemaran dan mengganggu aktiviti harian penduduk setempat. Skor min kedua tertinggi dicatat oleh faktor tahap keselamatan pekerja. Seramai 103 orang (55.4%) bersetuju bahawa tahap keselamatan di tempat kerja adalah baik. Hal ini didorong oleh pengawalan piawaian yang dilaksanakan oleh FELDA bagi memastikan pekerja selamat dan mengurangkan risiko kecederaan di tempat kerja. Perkara ini telah menunjukkan keprihatinan FELDA dalam menjaga kebajikan dan produktiviti pekerja. Faktor pencemaran tanah mencatatkan nilai skor min terendah iaitu 3.44. seramai 77 orang responden (41.4%) bersetuju bahawa pencemaran tanah berlaku akibat aktiviti pertanian telah menjejaskan kualiti tanah. Hal ini berikutan dengan pemakaian baja dan racun yang tidak bertepatan dengan piawaian yang ditetapkan oleh MSPO dan GAP.

Secara keseluruhan, jumlah responden yang setuju mencatatkan nilai tertinggi berbanding skala likert yang lain. Faktor kemudahan prasarana, kemudahan kesihatan pekerja dan tahap keselamatan pekerja merupakan pernyataan positif juga telah menunjukkan hasil kajian yang positif. Perkara ini membuktikan ketiga-tiga faktor tersebut adalah tersedia dengan lengkap dan baik. Namun, bagi faktor pencemaran tanah dan pencemaran udara, ia merupakan pernyataan yang berbentuk negatif dan kedua-dua pernyataan ini mendapat respon setuju yang menunjukkan pencemaran tersebut berlaku di kawasan Felda Soeharto. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab atau pihak FELDA boleh mengambil langkah proaktif untuk mengatasi pencemaran-pencemaran tersebut.

Dapatan kajian mendapati sebahagian besar responden mempersetujui kesemua faktor ekonomi seperti minat generasi muda, peneroka berkemahiran, produktiviti dan kualiti, migrasi, peluang pekerjaan, harga pasaran sawit dan pendapatan. Faktor pendapatan mendapat nilai skor min tertinggi iaitu 4.13. Seramai 115 responden (61.8%) bersetuju bahawa pendapatan peneroka adalah tidak tetap. Hal ini didorong oleh faktor harga pasaran yang mencatatkan nilai skor min kedua tertinggi iaitu 4.12. Hal ini meliputi jumlah responden bersetuju bahawa harga pasaran tidak tetap (turun naik) adalah seramai 116 orang (62.4%). Ini disebabkan pendapatan peneroka dan harga pasaran sawit adalah berhubung kait. Kejatuhan harga pasaran sawit sedikit sebanyak akan menyebabkan pendapatan peneroka juga berkurang. Faktor produktiviti dan kualiti

mencatatkan nilai skor min terendah iaitu 3.72. Pernyataan bahawa produktiviti dan kualiti pertanian adalah rendah mendapat respon setuju daripada 117 orang responden. Hal ini disebabkan produktiviti sawit dilihat masih rendah untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Faktor-faktor lain juga mendapat skor min yang masih pada tahap tinggi iaitu diantara 3.67 hingga 5.00 yang menunjukkan majoriti responden bersetuju dengan faktor-faktor tersebut. Oleh itu, pihak FELDA boleh memberi perhatian terhadap faktor-faktor ekonomi yang telah dinyatakan terutamanya faktor pendapatan dan harga pasaran sawit.

Dapatan kajian mendapati kesemua cadangan yang dinyatakan mendapat persetujuan oleh majoriti penduduk Felda Soeharto. Hal ini di mana kesemua cadangan tersebut mencatatkan nilai skor min yang tinggi iaitu 4.00-5.00. Cadangan mempergiatkan promosi produk berasaskan kelapa sawit ke tahap antarabangsa mencatatkan nilai skor min tertinggi iaitu 4.35. Cadangan ini dipersetujui oleh 97 orang iaitu bersamaan 52.2%. Cadangan ini adalah untuk memperluaskan pasaran sawit dalam meningkatkan permintaan terhadap barangan tersebut. Perkara ini juga dapat mendorong kestabilan harga sawit pada satu-satu masa.

Selain itu, cadangan melaksanakan amalan kitar semula bahan buangan pertanian dan memperketatkan peraturan pembakaran terbuka mencatatkan nilai skor min yang sama, kedua tertinggi iaitu 4.34. Cadangan melaksanakan amalan kitar semula bahan buangan pertanian telah mendapat respon bersetuju seramai 104 orang (55.9%) manakala cadangan memperketatkan peraturan pembakaran terbuka pula memperoleh persetujuan daripada 88 orang (47.3%). Kedua-dua cadangan ini dilihat mampu memberikan penyelesaian kepada masalah pencemaran udara yang berlaku di kawasan Felda Soeharto. Nilai skor min terendah dicatat oleh cadangan penggunaan GIS dalam memantau peneroka untuk mempraktikkan piawaian yang ditetapkan oleh MSPO dan GAP iaitu 4.01. cadangan ini menerima respon setuju daripada 102 orang responden (54.8%). Penggunaan GIS dan drone sangat membantu untuk memantau peneroka dalam mempraktikkan piawaian MSPO dan GAP. Hal ini dilihat sebagai antara cara membantu FELDA menghasilkan penanaman dan produk yang berkualiti dan mampan. Walaubagaimanapun, kesemua cadangan dilihat mencatatkan nilai skor min yang tinggi dengan jumlah responden yang tinggi bagi skala likert bersetuju. Hal ini menunjukkan majoriti responden bersetuju untuk cadangan ini dilaksanakan oleh pihak FELDA sebagai usaha melestarikan tanah rancangan mereka. cadangan-cadangan ini boleh dijadikan rujukan dan boleh diinovasikan oleh mana-mana pihak termasuk pihak FELDA dalam membangunkan FELDA ke arah yang lebih berdaya saing.

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhan, kajian mendapati sebahagian besar responden bersetuju dengan faktor sosial seperti kemudahan prasarana, kemudahan kesihatan pekerja, tahap keselamatan pekerja, pencemaran tanah dan pencemaran udara adalah faktor yang perlu di kaji dan dipertingkatkan bagi meningkatkan nilai komersial khususnya tanaman sawit di FELDA. Sementara itu, kajian sebahagian besar responden juga mempesetujui faktor ekonomi seperti minat generasi muda, peneroka berkemahiran, produktiviti dan kualiti, migrasi, peluang pekerjaan, harga pasaran dan pendapatan perlu diambil berat dan diberi penyelesaian dalam usaha meningkatkan nilai komersial pembangunan FELDA. Keseluruhan menunjukkan kesemua faktor sosioekonomi dan cadangan dipersetujui dan diterima oleh majoriti responden. Kesimpulannya, kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu pihak yang berkepentingan untuk menyelesaikan isu FELDA dan mengorak FELDA ke arah yang lestari dengan nilai komersial yang tinggi untuk pembangunan kualiti masyarakat FELDA khususnya dalam tanaman kelapa sawit dan sosioekonomi lain.

**Penghargaan:** Terima kasih kepada pihak responden penduduk FELDA Soeharto dalam memberi kerjasama untuk pengumpulan data dan maklumat melengkapkan artikel ini. Artikel ini telah dibiayai melalui geran FRGS/1/2023/SSI03/UKM/02/3.

**Konflik Kepentingan:** Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

## **Rujukan**

Ab Rahman, A., Sukari, A., Abd Shakor, M. F., Syed Shamsuddin, S. S., & Mohd Yusof, Z. A. (2023). Analisis literatur sistematik terhadap penentuan agihan bantuan kemiskinan kepada golongan B40 di

- Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(2), 70–86. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no2.525>
- Ali, N. I. M., Ibrahim, N. I., Aiyub, K., & Kasavan, S. (2020). Pelaksanaan amalan pertanian baik (GAP) dalam kalangan pesawah padi di Sekinchan, Sabak Bernam, Selangor. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 16(3), 247-262. <http://ejournals.ukm.my/gmjss/issue/view/1306>
- Hussin, F., Abdullah, H., Che Mat, S. H. (2012). Peranan KESEDAR dalam pembangunan tanah di Daerah Gua Musang: Isu dan pencapaian tahap sosioekonomi peneroka. Dalam *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII)*, 4-6 June 2012, Ipoh, Perak.
- Gomiero, T. (2018). Large-scale biofuels production: A possible threat to soil conservation and environmental services. *Applied Soil Ecology*, 123, 729-736. <https://doi.org/10.1016/j.apsoil.2017.09.028>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Milanie, F., Aryza, S., Sitepu, S. A., & Syahfitri, E. S. (2022). *Pengembangan kawasan objek wisata dalam mempercepat pengembangan ekonomi desa bagi pemula*. Penerbit Tahta Media. <https://tahtamedia.co.id/index.php/issj/article/view/134>
- Ali, N., Zakaria, N., & Abdullah, M. A. (2010). Pembangunan pendidikan dan kelestarian. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 5(1), 82-93. <https://journalarticle.ukm.my/791/1/ebangi.pdf>
- Ranisha K., Kumari, S., & Dwivedi, U. (2024). Human development model based on yogic wisdom for well-being and self-actualization: A conceptual framework. *Journal of Human Values*. <https://doi.org/10.1177/09716858231210598>
- Rochma, Z., & Indriya, H. A. F. (2023). Analisis strategi co-working dalam peningkatan penjualan. *Jurnal Maha Siswa Manajemen*, 3(22), 231-246. <http://dx.doi.org/10.30587/mahasiswa-manajemen.v3i02.1859>
- Saad, S., Ganai, M. F., Ramli, Z., & Lyndon, N. (2023). Persekitaran kerja yang menyumbang kepada produktiviti buruh lokal di sektor pertanian kelapa sawit. *International Journal of Social Science Research*, 5(1), 24-37. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijssr>
- Shafii, H., Yassin, A. M., & Masram, H. (2023). Cabaran dan dilema habitat manusia di bandar: Penerapan konsep daya huni (livability) dan pembangunan lestari untuk kesejahteraan hidup. *Journal of Social Transformation and Regional Development*, 5(2), 30-38. <https://doi.org/10.30880/jstard.2023.05.02.004>
- Suhaili, S., & Rahim, F. (2018). Belia generasi kedua Felda (G2F): Kedudukan dan isu sosioekonomi. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 10(3), 41-55. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1791>
- Tsutsui, M. H., Kobayashi, K., & Miyashita, T. (2018). Temporal trends in arthropod abundances after the transition to organic farming in paddy fields. *PLoS One*, 13(1), 1-13. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0190946>
- Walsh, J., & Ty, M. (2011). Cambodian migrants in Thailand: Working conditions and issues. *Asian Social Science*, 7(7), 23-29. <https://doi.org/10.5539/ass.v7n7p23>
- Wiryanawan, B. (2023). Paradigma baru ekonomi keluarga dalam pembangunan hukum ekonomi untuk mewujudkan ketahanan nasional. *Jurnal Ilmiah Hukum dan Hak Asasi Manusia*, 2(2), 66-79. <https://doi.org/10.35912/jihham.v2i2.1671>
- Zainudin, N. H. M., & Bullare, M. I. (2021). Dimensi, faktor dan strategi kebergantungan dalam kalangan pemimpin belia Felda. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 18(7), 54-65. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/issue/view/1420>
- Zamzuri, N. H., & Roslan, B. A. (2023). *Transkrip temubual bersama Encik Ismail bin Abu Bakar Ketua Kampung Tenang: mengenai pengalaman beliau di Kampung Tenang dan Felda Tenang Segamat*. Oral History Report. Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/82635/>